

TPM garis 3 langkah pastikan projek siap

Pengurusan perlu teliti elak ketidakcekapan pelaksanaan

Oleh Ahmad Ghazali Musa
dan Rosli Abdul Jalil

KUANTAN: Datuk Seri Najib Razak menggariskan tiga langkah jika sesuatu projek pembinaan itu mahu disiapkan mengikut jadual, menepati piawai dan mutu ditetapkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pertama, kontraktor perlu dipilih di kalangan berwibawa dan berkualiti, mempunyai kemahiran pengendalian projek serta keupayaan kerangan.

Beliau berkata, kedua, pengurusan projek itu juga perlu dikendalikan secara teliti dan rapi bagi mengelakkan insur ketidakcekapan sepanjang pelaksanaannya.

Ketiga, dari segi penyelenggaraan yang mesti dibuat dengan baik dan tepat kerana jika gagal berbuat demikian, projek sudah disiapkan pastinya berdepan pelbagai masalah.

"Saya percaya kontraktor yang baik, mempunyai rekod kerja memuaskan, dapat melaksanakan penyelenggaraan dengan rapi, tidak timbul masalah seperti siling runtuh, paip pecah, tembok retak dan sebagainya," katanya ketika berucap sempena Majlis Penyerahan Kompleks Perumahan Taman Samudera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Markas Wilayah Laut 1, dekat Balok Perdana, di sini, semalam.

Projek bernilai RM80 juta itu membolehkan pembinaan 365 unit rumah dilengkapi pelbagai kemudahan seperti dewan, surau, kemudahan riadah serta sistem telekomunikasi tanpa wayar.

Turut hadir Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Aminuddin Ishaq; Anglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali; Pengerusi Syarikat Pembinaan SPPH Sdn Bhd, Tan Sri Abu Bakar Jamal dan Pengarah Urusan Kumpulan Pasdec Holding Berhad, Yusof Ali Mohd Ain.

Mengenai pembinaan projek perumahan TLDM Markas Wilayah Laut 1 yang baru disiapkan itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, beliau berpuas hati kerana kompleks



KEMUDAHAN DITINGKAT: Najib meninjau sekitar Kompleks Perumahan Taman Samudera TLDM Markas Wilayah Laut 1, dekat Balok Perdana, di Kuantan, semalam.

itu siap empat bulan lebih awal daripada tempoh ditetapkan.

Beliau berkata, keupayaan kontraktor memenuhi kriteria pembinaan turut membolehkan projek itu mendapatkan sijil menduduki (CF) dari Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) hanya dalam empat hari.

"Dengan siapnya kompleks ini, anggota tentera TLDM Markas Wilayah Laut 1 di sini dapat menikmati kemudahan lebih baik dan selesa dan tidak perlu lagi tinggal di taman perumahan lain secara berselerak," katanya.

Beliau berkata, kerajaan terus ber-

FAKTA NOMBOR

Kemudahan perumahan
anggota tentera dalam RMK-9

31

Projek perumahan

RM1.2b

Kos

usaha mempertingkatkan kemudahan perumahan anggota tentera di seluruh negara dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Ini komitmen kerajaan kepada seluruh anggota tentera. Kita harap apabila tamatnya RMK-9 sebahagian besar perumahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dapat disempurnakan.

"Dengan pelbagai kemudahan disediakan ini, kita harap anggota ATM dapat mempertingkatkan daya juang dan profesionalisme bagi menyumbang kesejahteraan negara pada masa ini dan akan datang," katanya.